



**PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN KIMIA MALAYSIA
JUN 2023**

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA
PUAN HALIMAH BINTI ABDUL RAHIM
KETUA PENGARAH
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**07 JUN 2023
DEWAN SYARAHAN BANGUNAN FORENSIK,
PUSAT ANALISIS SAINS FORENSIK
IBU PEJABAT PETALING JAYA
9.00 PAGI**

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

- **Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh, Salam**
Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.

- **Yang Berusaha En. Shaari bin Desa**
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Pn. Rusnah binti Rohani**
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Kanan**
- **Pengarah-Pengarah Bahagian, Negeri dan Cawangan**
Tuan-tuan dan Puan-puan, warga KIMIA Malaysia yang saya
kasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KIMIA Malaysia bagi bulan Jun tahun 2023 ini.
2. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada **Bahagian Khidmat Pengurusan** selaku penganjur Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini.

Hadirin sekalian,

UCAPAN PENGHARGAAN & TAHNIAH

PERSARAAN

3. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada **PUAN ROSLINA BINTI ABD. MALIK yang telah bersara wajib pada 27 Mei 2023 lepas.**
4. Terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan yang telah diberikan kepada jabatan.
5. Marilah kita bersama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan yang akan dilalui oleh Puan Roslina akan dilimpahkan rahmat dan keberkatan serta bahagia di samping keluarga tersayang.

PEMANGKUAN PERJAWATAN

6. Dikesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada **PUAN ZETI MARLINA BINTI ABU KASIM**, Pembantu Operasi yang telah diluluskan pemangkuan dari Gred N11 dari Pusat Sekitaran Ke Gred N14 di Pusat Industri berkuatkuasa 15 Mei 2023.
7. Semoga pemangkuan jawatan ini akan memberikan motivasi dan pendorong untuk terus memberikan komitmen kepada kecemerlangan KIMIA Malaysia kelak.

LAWATAN KETUA PENGARAH KE NEGERI

Hadirin sekalian

8. Ucapan penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada Pengarah-Pengarah dan Warga KIMIA Perak dan KIMIA Sarawak diatas sambutan bagi sesi lawatan turun padang saya ke KIMIA Negeri berkenaan.
9. In sha Allah, perkara-perkara yang berbangkit, akan saya bawa untuk perbincangan bersama pengurusan tertinggi jabatan dan kita akan lihat kesusiaan bagi penyelesaian isu-isu yang telah diketengahkan.

MINGGU SAINS NEGARA (MSN)

10. Hadirin sekalian,
11. Pada 27 Mei 2023 yang lepas, saya telah berkesempatan untuk memenuhi jemputan MOSTI bagi menghadiri persmian Karnival Minggu Sains Negara 2023 Peringkat Negeri Sembilan yang telah diadakan bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
12. Karnival yang mengangkat tema "Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi" ini turut disertai oleh kakitangan dan pegawai dari Pusat Sekitaran dan Pusat INDUSTRI.
13. Penganjuran Minggu Sains Negara (MSN) pada tahun ini merupakan tahun yang ke-6, bertujuan untuk membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam kehidupan rakyat Malaysia.
14. Justeru, untuk tahun ini, MOSTI akan melaksanakan program MSN di seluruh negara dengan program seterusnya akan diadakan di Sabah melalui penganjuran berkonsepkan karnival serta dalam talian, bagi menarik minat dan penyertaan masyarakat setempat.

15. MOSTI percaya bahawa pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi tidak terhad kepada pendidikan secara formal di dalam kelas atau bilik darjah sahaja.
16. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti yang disediakan akan menggunakan kaedah hands-on dan secara langsung daripada pengamal serta pakar STI ini.
17. Justeru itu, saya ingin menyeru agar kita semua dapat terus menyokong usaha MOSTI dalam mengurusperdanakan Sains, Teknologi dan Inovasi sebagai pemangkin ekonomi dan kesejahteraan rakyat, melalui penganjuran Minggu Sains Negara 2023 kelak.

MOTIVASI

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

18. Negara Hadarah, Madani dan bertamadun memerlukan modal insan atau pekerja yang berwibawa, cemerlang dan berkualiti dalam menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan.
19. Pekerja sesebuah organisasi haruslah merancang dan bersedia dalam mengurus tugas harian mereka dengan cara yang berkesan dan tersusun dalam menempuh era revolusi Industri (IR 4.0).

20. Dalam keadaan dunia hari ini yang penuh dengan pelbagai dugaan dan cabaran khususnya di tempat kerja, sekiranya tidak diendahkan, maka kita bakal menghadapi pelbagai tekanan dan akhirnya masalah semakin membesar.
21. Impaknya adalah hilangnya nilai-nilai murni dalam diri insan atau organisasi seperti kecewa, malas, tertekan dan akibat yang lebih teruk lagi adalah apabila melibatkan salah guna kuasa.
22. Oleh yang demikian, amalan nilai-nilai murni harus dititikberatkan dalam organisasi. Amalan seperti tingkah laku yang betul, bertanggungjawab dan melakukan setiap kerja dengan terbaik sudah pasti menjadikan aspirasi dalam mendokong tonggak masyarakat MADANI tercapai.
23. Disamping itu juga, kesinambungan diantara aspek-aspek kerohanian dan jasmani haruslah disinergikan bersama nilai-nilai murni yang ada agar dapat melahirkan pekerja yang berkualiti demi negara yang menuju kepada negara berimpak tinggi.
24. Dalam satu hadith, Rasulullah SAW bersabda: *Sesungguhnya Allah SWT mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan itqan (bersungguh-sungguh).*

Riwayat al-Tabarani dalam al-Mu'jam al-Awsath

25. Harapan saya agar tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini akan terus berusaha untuk memantapkan kelebihan dan keupayaan masing-masing demi meneruskan kegemilangan perkhidmatan awam.

PENUTUP

26. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada semua warga kerja KIMIA Malaysia yang menyambut hari kelahiran pada bulan Jun.
27. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan lafaz Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

----- TAMAT-----